



BULETIN MPKK

EDISI I / 2023




PEMASANGAN PAPAN INFO PELANCONG LAMAN PAHLAWAN

Tiga lokasi produk pelancongan di Kuala Kangsar telah dipasang papan paparan maklumat pelancongan iaitu Jet McDonnell Douglas A-4PTM Skyhawk, Kenderaan Perisai APC Condor & Daimler Ferret dan Monumen Keris. Inisiatif pemasangan papan maklumat ini bagi memudahkan pelancong atau pelawat mendapat maklumat yang sahih. Selain daripada itu, ia juga bertujuan memantapkan produk-produk pelancongan di daerah ini.

Selain daripada itu, tiga lokasi produk ini juga dinamakan sebagai Laman Pahlawan, bagi memperingati nilai sejarah yang ada pada setiap produk ini.

Terima kasih kepada Malaya Historical Group Society atas kerjasama dalam menyalurkan sumber maklumat kepada MPKK.





KUNJUNGAN KEMBARA BERMOTOR

10 Februari 2023 - Hj. Saiful Azli Mohamed Nor, Setiausaha Perbandaran menyambut kunjungan kembara bermotor Majlis Bandaraya Pasir Gudang dalam jelajah mempromosikan Pesta Layang-Layang, Pasir Gudang yang akan berlangsung pada 22 Februari 2023 sehingga 26 Februari 2023, di Bukit Layang-layang Bandaraya Pasir Gudang, Johor Bahru.



Majlis Angkat Sumpah

AHLI-AHLI MAJLIS

Kuala Kangsar, 28 Februari 2023 – Telah berlangsung Majlis Angkat Sumpah Ahli-ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar di Dewan Bendahara, Wisma MPKK, Kuala Kangsar. Majlis yang berlangsung pada jam 2.30 petang telah disaksikan oleh Yang Berhormat Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Seramai 23 orang Ahli Majlis dilantik termasuk Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, TPr. Zulqarnain bin Mohamad. Pelantikan Ahli-ahli Majlis ini bagi tempoh satu tahun, bermula 16 Februari 2023 hingga 15 Februari 2024.

Tahniah diucapkan kepada semua Ahli-ahli Majlis, MPKK.

Pertandingan LAMAN PBT

Majlis Perbandaran Kuala Kangsar telah memenangi tempat kedua bagi Pertandingan Laman PBT (kategori perbandaran) sempena Hari Landskap Negara yang berlangsung 10 sehingga 12 Mac 2023 di Taman DR Seenivasagam, Ipoh.

Membawa tema hiasan berkisarkan semalam, hari ini dan esok, laman elemen produk pelancongan utama dipamerkan serta hiasan pokok nadir bertemakan daerah seperti pokok Kangsar, Ipoh, Beruas, Pulai, Rengas dan lain-lain lagi.

Tahniah diucapkan kepada Jabatan Perancang Bandar dan Bahagian Landskap, Jabatan Kejuruteraan dan Bahagian Kebersihan atas kemenangan dan usaha yang diberikan.



BUBUR PERAK KOME!

Taman Bandar, Kuala Kangsar, 11 April 2023 - BUBUR PERAK KOME! Sempena bulan Ramadan yang mulia, Tourism Perak dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar, Kraftangan Perak, MOTAC Perak dan Persatuan Homestay Perak akan mengadakan program memasak bubur Perak untuk edaran secara percuma kepada kome!



Program juga dihadiri YB Encik Loh Sze Yee, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri Perak, yang turut turun padang untuk program ini.



Tourism Perak dengan kerjasama agensi-agensi yang terlibat telah berjaya mengagihkan lebih 3000 bekas bubur pelbagai jenis kepada masyarakat di sekitar Kuala Kangsar.



Program SEMARAK PELANCONGAN

18 April 2023

Bandar Kuala Kangsar, Galeri Arkeologi Lembah Lenggong

Program Semarak Pelancongan bersama YB Encik Loh Sze Yee, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri Perak ke Daerah Kuala Kangsar dan Lenggong.



**PESTA
LAKSA
KUALE**
2 Jun - 3 Jun 2023



Kuale car free day

11 JUN 2023, Ahad | 6.30 PAGI - 11.00 PAGI



**ATUR CARA PROGRAM
KUALE CAR FREE DAY
FUN RUN FOR EARTH (PLOGGING)**

- 6.30 pagi : Kehadiran Peserta & Penganjur
- 6.45 pagi : Senamrobik
- 7.15 pagi : Pelepasan Edu Run 7KM
- 7.30 pagi : Pelepasan Plogging Fun Run 2KM
- 8.00 pagi : Lawatan Pameran
- 10.00 pagi : Penyampaian Cabautan Bertuah Bersurai

**MPKK KUALE
CAR FREE DAY
& PLOGGING FUN RUN**
11 JUN 2023 (AHAD)
6.30 PAGI - 11.00 PAGI
JALAN KANGSAR, KUALA KANGSAR
#greency #infotainment #ridekuall

Bagi pendaftaran Plogging Fun Run 2KM, penyertaan adalah secara walk-in pada hari Sabtu, jam 6.45 pagi. Terbuka kepada semua peringkat umur.

Penyertaan Edu Run 7KM, yang dianjurkan oleh Universiti Sultan Azlan Shah - USAS seramai 1000 peserta telah penuh.

Jom berlari sambil membersihkan kawasan kita di bawah aktiviti plogging.

LAWATAN MEDIA THAILAND



14 Jun 2023 - Majlis Perbandaran Kuala Kangsar yang diwakili Tuan Haji Saiful Azli bin Mohamed Nor, Setiausaha Perbandaran telah menerima dan menyambut lawatan daripada media Thailand yang tiba di Kuala Kangsar pagi tadi.

Lawatan media ini diselenggarakan oleh Tourism Malaysia - Bangkok dan Tourism Perak. Lokasi yang dibawa untuk memperkenalkan Kuala Kangsar adalah menaiki bot 'Cruise Sungai Perak', menikmati cendol, lawatan ke Masjid Ubudiah, Muzium Diraja, Pokok Getah Tertua, pembuatan labu sayong Kz Kraf Enterprise dan akhir sekali menjamu selera di Laksa Sarang Warung Telaga Kuala Kangsar.

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang membantu melancarkan perjalanan lawatan ini dan terima kasih kerana memilih Kuala Kangsar sebagai salah satu lokasi untuk mempromosikan pelancongan di Perak.

SESI *TOWNHALL* PUNCAK EMAS



16 Jun 2023 - Telah berlangsung Sesi Townhall Puncak Emas Infra SDN. BHD (PEISB) Bersama Ahli Majlis, MPKK dan turut dihadiri oleh Ketua Jabatan, Bahagian dan Unit, MPKK. Bertujuan memberi penerangan berkaitan skop dan bidang tugas PEISB, dan diakhiri dengan sesi soal jawab serta percambahan idea untuk menambahbaik perkhidmatan yang diberikan.

Sesi ini telah dibuka dengan ucapan aluan oleh Yang Berusaha Tn. Haji Saiful Azli bin Mohamed Nor, Setiausaha Perbandaran.



Berlangsung selama dua jam, taklimat telah disampaikan oleh Encik Azmirshahrizan bin Amir, Pengurus Seksyen Puncak Emas Infra, Cawangan Kuala Kangsar.

Terima kasih diucapkan kepada semua yang hadir serta kepada PEISB kerana telah merangka sesi townhall ini.